

18/11/1997

Kurangkan beli barangan import: Dr M

GEORGETOWN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat membuktikan semangat perpaduan dalam menghadapi tekanan negara asing dengan mengurangkan pembelian barangan import.

Menurut Perdana Menteri, dengan mengurangkan pembelian barangan import itu, negara pengeksport akan merasai kesan seperti yang dialami oleh Malaysia ini akibat kejatuhan nilai ringgit.

"Sekarang kita akan kurangkan pembelian barangan asing. Biar dia rasa miskin sedikit. Kita akan membuktikan semangat dan perpaduan yang wujud di kalangan rakyat Malaysia.

"Percayalah, kerajaan sedang merancang usaha memulihkan ekonomi negara dan dengan kerjasama semua pihak ia akan pulih seperti sedia kala," katanya ketika menyampaikan ucapan ringkas pada majlis sambutan sempena ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, di sini hari ini.

Lebih 3,000 rakyat pelbagai kaum berhimpun di lapangan terbang berkenaan, diketuai Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Turut hadir Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar dan ahli-ahli Exco kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengamalkan dasar ekonomi bebas dan mahukan semua rakyat mempunyai kuasa membeli, tetapi pihak tertentu dengan sengaja menggugat kebebasan itu.

Menurut Perdana Menteri, sokongan padu yang ditunjukkan semua lapisan rakyat negara ini, termasuk pihak pembangkang, membuktikan kesedaran mereka bahawa nasib negara ditentukan oleh mereka dan bukannya negara luar atau media asing.

"Ini adalah hak kita semua dan bukan hak mereka. Kita bebas dan kebebasan ini tidak bermakna kalau kita tidak boleh menyuarakan pendapat kita mengenai apa isu sekali pun," katanya.

Dr Mahathir yang terharu dengan sokongan padu rakyat negeri ini berkata, semangat dan perpaduan itu sebenarnya membuktikan sokongan mereka terhadap dasar negara serta prinsip demokrasi yang diamalkan.

"Sudah lama kita memperjuangkan kemerdekaan dan selepas merdeka kita berhak untuk menentukan prinsip negara termasuk siapa yang memegang teraju kepemimpinan kerajaan dan juga siapa yang jadi pemimpin.

"Inilah cara demokrasi kita dan mengikut prinsip itu, pemilihan pemimpin adalah hak rakyat dan bukan terletak di tangan orang lain. Kalau orang asing boleh menentukan siapa pemimpin negara, ini bermakna penjajahan masih diteruskan," katanya.

Dr Mahathir berkata, poster dan sepanduk yang ditunjukkan pada perhimpunan ini bukanlah bermakna menyokong beliau, tetapi menyokong dasar negara.

Sementara itu, berucap di hadapan penyokong BN di Island Plaza di sini, Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini bangun mempertahankan maruah negara yang diganggu orang asing.

Katanya, ancaman untuk campur tangan dalam politik negara mengukuhkan perpaduan antara kaum dan rakyat bersatu untuk mempertahankan sistem pemilihan pemimpin yang diamalkan di negara ini.

"Saya akan beritahu mereka bahawa rakyat negara ini tidak membenarkan mereka mengganggu urusan negara ini," katanya.

(END)